

14 FEB 2003

Kurikulum-Reaksi

PELBAGAI PIHAK SAMBUT BAIK ROMBAKAN KURIKULUM SEKOLAH RENDAH

PULAU PINANG, 14 Feb (Bernama) -- Pelbagai pihak di negeri ini menyambut baik pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, bahawa kerajaan akan menyusun semula kurikulum sekolah kebangsaan untuk menarik lebih ramai pelajar Melayu dan bukan Melayu mengikuti pengajian di sekolah berkenaan.

Pengerusi MIC Negeri, Datuk Dr K. Rajapathy berpendapat rombakan kurikulum itu akan memberi manfaat kepada semua kaum untuk jangkamasa panjang dan bukan hanya tertumpu kepada sesuatu kaum sahaja.

Beliau berkata, melalui kurikulum baru itu, ia dapat menarik lebih ramai pelajar bukan Melayu belajar di sekolah kebangsaan dan secara tidak langsung akan memupuk perpaduan kaum di kalangan mereka.

"Usaha merombak semula dan tidak meminggirkan bahasa ibunda bukan Melayu adalah baik kerana ia akan menarik lebih ramai pelajar bukan Melayu menyertai sekolah kebangsaan," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kebajikan dan Masyarakat Penyayang Negeri berkata, keadaan sekarang di mana ketiga-tiga kaum belajar secara berasingan di sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan Tamil dan Cina tidak boleh dibiarkan berterusan untuk jangkamasa panjang.

Katanya, usaha itu juga akan merapatkan hubungan perkauman dan memupuk semangat perpaduan di kalangan pelajar-pelajar yang masih muda.

Perdana Menteri semalam berkata, kerajaan akan menyusun semula sistem sekolah kebangsaan dengan menyediakan sukatan dan mata pelajaran yang mencukupi untuk keperluan semua pelajar.

Dr Mahathir berkata, langkah itu diambil kerana sekarang seolah-olah tiada lagi sekolah kebangsaan berikutan terlalu banyak pindaan ke atas sistem pendidikan itu dan penanaman terlalu banyak unsur kemelayuan dan keislaman.

Katanya, keadaan itu menjadikan orang bukan Melayu menolak sekolah kebangsaan kerana menganggap ia menjadi sekolah Melayu dan sekolah agama Islam.

Sementara itu, Pengerusi MCA Negeri, Wong Kam Hoong berkata, usaha itu akan mengurangkan polarisasi kaum seperti yang berlaku sekarang kerana terdapat pemisahan pelajar di peringkat sekolah rendah lagi.

Beliau yang juga Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berkata, ia akan dapat mengumpulkan pelajar dari pelbagai latar belakang kaum di sekolah yang sama dan memberi peluang kepada mereka bercampur gaul ketika masih muda lagi.

Pengerusi Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP), Datuk Dr Loga Bala Mohan berkata, ia adalah usaha murni untuk mewujudkan pengukuhan perpaduan kaum, masyarakat penyayang dan harmoni di peringkat kanak-kanak lagi.

Selain itu, kata beliau, rombakan kurikulum itu juga perlu memberi keutamaan kepada mata pelajaran sejarah terutama sejarah pembangunan negara untuk memberi kesedaran kepada pelajar.

Katanya, ia juga boleh memberi peluang kepada mereka untuk membuat perbandingan mengenai sejarah negara dan sejarah dunia secara keseluruhannya.

Sementara itu, Ketua Pemuda Negeri Parti Gerakan, Huan Cheng Guan berkata, selain memupuk perpaduan dan keharmonian kaum, pelaksanaan rombakan kurikulum itu juga akan membantu menyediakan generasi muda merealisasikan Wawasan 2020.

-- BERNAMA
SA ZB